

## UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

*Press Release  
Kenyataan media*



19 Jun 2023  
azadnurlisa@unimas.my  
UNIMAS Corporate  
Chancellory Division  
Universiti Malaysia Sarawak  
94300 Kota Samarahan  
Tel +60 82 51216  
Fax +60 82 665088  
(Fakulti Seni Gunaan &  
Kreatif, UNIMAS)

### **Meneroka Potensi Pelancongan Lestari di Indonesia dan Malaysia**

Kota Samarahan, 19 Jun 2023 – Pelajar Pengurusan Seni Tahun ke-3 telah menganjurkan seminar pelajar yang bertajuk "**Meneroka Potensi Pelancongan Lestari di Indonesia dan Malaysia**". Majlis ini telah dihadiri tetamu kehormat, Konsul Jeneral Republik Indonesia di Kuching iaitu, Yang Berusaha Raden Sigit Witjaksono, sekaligus sudi menjadi penceramah yang akan mengupas isu ini pada majlis tersebut. Seminar ini diadakan di Dewan Utama, PITAS (Pusat Islam Tun Abang Salahuddin) pada pukul 2:00 petang. Program ini juga turut dikendalikan bersama oleh Persatuan Pelajar Indonesia, sebagai inisiatif dan dedikasi untuk mengukuhkan hubungan dua hala antara Indonesia dan Malaysia.

Objektif penganjuran seminar ini adalah bertujuan memberikan pendedahan dan pengetahuan berkaitan pelancongan dalam dan luar negara, Indonesia, Malaysia dan khususnya di negeri Sarawak. Objektif yang kedua pula; untuk mengetahui situasi terkini dari segi polisi dan peluang kerjasama antara kedua-dua buah negara dalam mempromosi dan melaksanakan amalan pelancongan mampan, untuk masa depan pelancongan kedua belah pihak yang terbaik dan efektif. Objektif yang ketiga adalah untuk membuka minda dan menggambarkan wawasan pemikiran baru bidang ini untuk dikembangkan selari dengan rentak perubahan masa dan teknologi digital yang sentiasa ke hadapan.

Paparan tema, pelancongan lestari diketengahkan bagi memfokuskan tumpuan kepada strategi dan amalan terbaik untuk memanfaatkan potensi pelancongan sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi, di samping memelihara warisan sejarah, sumber semula

jadi dan budaya dua kejiaran yang mempunyai banyak persamaan serta talian persaudaran budaya yang wujud sejak dahulu lagi. Perbincangan akan berkisarkan untuk mempromosikan pelancongan yang mesra alam, melindungi alam sekitar, menyokong komuniti tempatan, dan memastikan kemampuan jangka panjang dalam industri pelancongan yang berorientasikan masyarakat tempatan. Pelancongan mampan semakin penting sejak beberapa tahun kebelakangan ini, dan kedua-dua negara ini menyedari akan keperluan untuk mengekalkan landskap semula jadi, biodiversiti dan warisan budaya mereka yang unik untuk generasi akan datang.

Dengan mematuhi prinsip pelancongan mampan, kedua-dua negara boleh meningkatkan pengalaman pelawat, mencipta peluang ekonomi dan melindungi sumber asli di persekitaran. Program ini juga selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) PBB, khususnya Matlamat 8 (Kerja Layak dan Pertumbuhan Ekonomi), Matlamat 12 (Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab), dan Matlamat 17 (Perkongsian untuk Matlamat).

Sesungguhnya melalui penganjuran program ini juga jelas memperlihatkan para pelajar kursus Pengurusan Seni yang komited untuk menyokong matlamat global ini bagi mencapai masa depan pelancongan yang lestari. Diharapkan dengan penganjuran seminar ilmunan ini dapat menggalakkan perdagangan, pelaburan, pelancongan dan pertukaran budaya antara kedua-dua negara. Pengurusan Seni UNIMAS secara aktif menyokong inisiatif yang menyumbang kepada pembangunan serentak dan kerjasama dalam pelbagai bidang kebudayaan dan warisan secara global.

Untuk media dan pertanyaan lanjut, sila hubungi:  
**[NADYA FADHILAH] [UNIMAS/PENGURUSAN SENI]**  
**[+6289529512806] [72975@siswa.unimas.my]**

**U N I M A S**